



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YAB MENTERI BESAR PERAK DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO AZUMU

SEMPENA

SAMBUTAN HARI PENEROKA FELDA PERINGKAT KEBANGSAAN

DI DEWAN BESAR MRSM FELDA (KAMPUS TUN ABDUL RAZAK), TROLAK

SELASA 7 JULAI 2020

2 PETANG

Assalamualaikum Warahmatulla Hi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrohmanirrahim

Alhamdulillah Hi Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya'
Iwalmursalin, Saidina Muhamadin Sallallahu Alaihi Wasallam, Wa'ala Alihi
Wasohohbihi Ajmain.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin
Perdana Menteri Malaysia,

Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

Yang Berhormat Saudara Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh
Pengerusi FELDA

Encik Sulong Jamil Mohamed Shariff
Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan

(tambah salutation politik)

Warga peneroka FELDA yang kita kasihi sekalian,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Alhamdulillah pertama sekali kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya jua kita semua dapat berkumpul di MRSM FELDA Trolak ini bagi meraikan Hari Peneroka Felda Peringkat Kebangsaan Tahun 2020.

2. Pada hari ini ada dua perkara yang saya sangat bersyukur. Pertama adalah kerana dapat beramah mesra dengan semua peneroka Felda yang dapat hadir. Tahniah dan syabas kepada pihak Felda di atas kejayaan penganjuran majlis kita pada hari ini. Apa khabar semua?
3. Perkara yang kedua, adalah kerana tetamu kehormat kita pada hari ini, tidak lain dan tidak bukan adalah YAB Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin.
4. Bagi pihak seluruh rakyat dan jentera pentadbiran kerajaan negeri Perak, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang kita kasih di atas kesudian beliau berkunjung ke negeri kami.
5. Untuk makluman para peneroka sekalian, kalau nak tahu, Perak bertuah kerana dipilih sebagai negeri pertama untuk lawatan rasmi oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin selepas diangkat sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-8. Terima kasih YAB Tan Sri. Kita berikan tepukan yang paling gemuruh buat YAB Perdana Menteri yang kita sayangi!

Tuan-tuan dan puan-puan moga-moga dirahmati Allah sekalian,

6. PM-8 kita ini bukan sebarang-sebarang pemimpin. Bukan **kaleng-kaleng**. Beliau diamanahkan jawatan yang amat penting ini tatkala kita sedang berperang dengan pandemik Covid-19. Empat bulan yang lalu, kita semua merasa amat resah gelisah, memikirkan macam mana kita nak tangani wabak yang telah berjangkit ke puluhan negara seluruh dunia, termasuk di Malaysia.

7. Kita semua merasa sangat cemas. Saya sebagai Menteri Besar pun merasa risau jugak. Tak pernah dalam sejarah ada wabak yang berjangkit sebegitu cepat. Kita terpaksa hentikan aktiviti ekonomi, aktiviti sosial sebab nak hentikan penularan wabak ini.
8. Tetapi YAB Perdana Menteri kita kekal tenang. Kadang-kadang saya pun hairan, eh tenang benor PM kita. Mana dengan Covid-19 lagi, serangan politik lagi. Syukur alhamdulillah, kerana Allah SWT telah takdirkan kepada kita, seorang pemimpin yang tak banyak berpolitik tetapi begitu fokus kepada usaha menyelamatkan negara dan rakyat.
9. Saya amati, dalam ucapan-ucapan beliau, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin kita cuma bercakap pasal kebijakan Mak Cik Kiah, Encik Lim, Encik Muthu dan seluruh rakyat.
10. Beliau perkenalkan macam-macam pakej untuk membela nasib rakyat; pakej Prihatin Rakyat, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah meringankan beban rakyat, menyelamatkan para pekerja daripada diberhentikan, tolong masyarakat perniagaan dan sebagainya. Suka saya maklumkan di sini, bagi menyokong usaha YAB Perdana Menteri kita, pentadbiran kerajaan negeri Perak juga telah meluluskan peruntukan lebih 100 juta ringgit untuk Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri dalam dua fasa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Alhamdulillah berkat kepimpinan YAB Perdana Menteri kita dan pengorbanan para petugas barisan hadapan, kita sudah berjaya kawal penularan Covid-19. Hasilnya, dalam tempoh tiga bulan sahaja, kerajaan sudah boleh buka semula ekonomi. Rakyat dah boleh kembali bekerja, kembali berniaga, anak-anak kita pun sudah boleh kembali bersekolah. Kita berbangga sebab Malaysia adalah antara negara yang terbaik di dunia dalam tangani Covid-19!

Tuan-tuan dan puan,

12. Untuk makluman para peneroka Felda sekalian, pentadbiran kerajaan negeri Perak sememangnya komited untuk bersama-sama dengan kerajaan Persekutuan untuk membela nasib peneroka di negeri ini.

13. Tiga bulan selepas menjawat jawatan Menteri Besar, saya telah turun ke Felda Nenering di Gerik untuk sampaikan geran hakmilikan tanah kepada 140 orang peneroka. Kemudian, pada bulan Disember 2018, saya telah turun ke kawasan Felda Wilayah Trolak ini, iaitu di Felda Sungai Behrang untuk sampaikan sendiri hakmilikan tanah kepada baki peneroka yang masih menunggu geran masing-masing.

14. Suka saya maklumkan di sini, daripada 5,917 peneroka di seluruh negeri Perak, kerajaan negeri telah menyelesaikan pemberian hakmilikan tanah kepada 5,776 peneroka.

Tuan-tuan dan puan,

15.Saya yakin dan percaya, di bawah kepimpinan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin, lebih banyak inisiatif bagi membela nasib para peneroka dan generasi akan datang.

16.Jadi, saya nak mintak kepada peneroka semua, kita bagi tepukan paling gemuruh sebagai tanda sokongan padu kita kepada kepimpinan YAB Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin. Boleh? Alhamdulillah. Sebelum berpisah, bagi pihak seluruh rakyat dan jentera pentadbiran kerajaan negeri Perak, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Peneroka Felda Peringkat Kebangsaan tahun 2020.

Sekian, wabillah hitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.